

Pihak Universiti mempelawa Warganegara **Malaysia** yang **berkelayakan**, **komited** dan **berdedikasi** untuk berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia bagi jawatan seperti berikut:

- **PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C29**

Jadual Gaji Minimum - Maksimum Gred C29:

Gaji	Minimum	Maksimum
	RM 1,505.00	RM 5,696.00
Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 160.00
	Bantuan Sara Hidup (BSH)	RM 350.00
Taraf Jawatan	Kontrak/Sementara/Tetap	

Syarat Lantikan:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,505.00); atau
 - diploma dalam bidang sains atau teknologi makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,782.91); atau
 - diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,858.12).
 - Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan (Bagi Kakitangan UKM Berjawatan Tetap Sahaja)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Makmal adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a)
 - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

Cara Memohon:

- a) Sila layari laman web UKM: <https://smk.ukm.my/sppj/mukadepan.cfm> bagi membuat permohonan secara atas talian.
- b) Calon-calun **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk Ujian Tapisan Kompetensi Pelantikan Kakitangan UKM dan temuduga.
- c) Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses**.
- d) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh empat (4) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya**.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat

Bahagian Sumber Manusia

Jabatan Pendaftar

Aras 1, Bangunan Perpustakaan Lingkungan Ke-2

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi, Selangor

Emel : hrukmu@ukm.edu.my

Tarikh Buka Iklan : 25 Mac 2021 (Khamis)

Tarikh Tutup Iklan: 7 April 2021 (Rabu)